

05/08/1997

Dr M galak minati bidang penerbangan

LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia harus menanam minat dalam bidang penerbangan selain belajar mencintai kapal terbang.

"Penerbangan memerlukan penelitian dan kecintaan bagi penerbangan serta kapal terbang.

"Kerana itu sesetengah orang mengembara ke seluruh dunia untuk mencari pesawat lama bagi dibaik pulih seperti sediakala," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada jamuan malam sempena perasmian Konvensyen dan Pameran Langkawi Oshkosh East Fly-In 1997 di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, wujud kecenderungan di kalangan sesetengah orang untuk mengetepikan pesawat lama apabila ia mula rosak.

"Bagaimanapun, pemikiran sedemikian belum tersemai di kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, minat mencintai kapal terbang lama hanya ada di kalangan mereka yang meminati bidang penerbangan. - Bernama

(END)